



Kepemimpinan adalah wadah untuk menjadikan wawasan satu kenyataan

UM 31/10/2003 - 39 PRECISE

Perhubungan Syarikat Kumpulan Matsushita dengan Malaysia yang sekian lama terjalin bermula apabila pengasas kami, mendiang Tan Sri Konosuke Matsushita membayangkan Malaysia memiliki potensi untuk menjadi peneraju ASEAN pada masa depan. Kepercayaan beliau telah merintis jalan ke arah pertalian yang dinamik dan saling mengecapi manfaat yang dinikmati oleh Matsushita dan Malaysia sehingga hari ini. Selama ini, kami mempunyai jalinan perhubungan yang rapat dengan kerajaan Malaysia dan rakyatnya. Atas ransangan gagasan pembaharuan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir, Kumpulan kami dapat berkembang maju bersama Malaysia, tahun demi tahun.

Wawasan Dr. Mahathir tidak syak lagi telah memimpin Malaysia mencapai kejayaan seperti hari ini. Beberapa dasar pembaharuan yang berjaya dilaksanakan, bermula dengan Dasar Pandang Ke Timur pada 1981 telah memberikan asas kepada kejayaan cemerlang negara.

Pengenalan Pelan Induk Perindustrian dan pelonggaran syarat-syarat ekuiti asing telah menjadikan negara ini sebagai pengeluar terbesar dunia dalam industri elektronik dan elektrik pada hari ini. Wawasan 2020 kekal menjadi salah satu program paling komprehensif yang pernah dilancarkan.

Keputusan dasar Dr. Mahathir ketika kegawatan ekonomi Asia pada 1997 adalah satu lagi bukti kepemimpinan beliau yang luar biasa. Di bawah pentadbiran beliau, Malaysia terus makmur dan berkembang maju ke arah menyertai kumpulan negara elit yang maju sepenuhnya di dunia.

Sebagai penyanjung dan pendukung dasar pandang ke depan anjuran Perdana Menteri, Syarikat Kumpulan Matsushita berasa bangga menjadi salah satu jentera pertumbuhan untuk Malaysia. Didorong oleh gagasan beliau yang tersendiri, kesetiaan kepada negara dan ikrar kami untuk mendukung wawasan beliau tetap utuh. Cabaran kami kini adalah mengekalkan pertumbuhan dan pembangunan Malaysia. Oleh itu, kami akan terus berusaha untuk bekerjasama rapat dengan kerajaan Malaysia dan melaksanakan dasar-dasar negara yang menjadi matlamat bersama untuk mencapai Wawasan 2020.

Dr. Mahathir, kami mengucapkan selamat bersara dan moga-moga Yang Berhormat dikurniakan kesihatan yang baik, kebahagiaan dan kegembiraan hidup di samping Dr. Siti Hasmah dan keluarga.

Selamat berjaya dan semoga dirahmati Allah.

Panasonic

KUMPULAN SYARIKAT-SYARIKAT MATSUSHITA DI MALAYSIA

Syarikat Perkilangan

Matsushita Electric Co (M) Bhd (6100K)
 Matsushita Industrial Corporation Sdn Bhd (11969-T)
 Matsushita Compressor And Motor Sdn Bhd (158965-A)
 Matsushita Electronic Components (M) Sdn Bhd (13394-M)
 Matsushita Electronic Devices (M) Sdn Bhd (166366-V)
 Panasonic AVC Networks Kuala Lumpur Malaysia Sdn Bhd (170701-M)
 MT Picture Display (M) Sdn Bhd (205874-K)
 Panasonic Communications (Malaysia) Sdn Bhd (042154-T)
 Panasonic AVC Networks Johor Malaysia Sdn Bhd (209936-T)

Matsushita Precision Capacitor (M) Sdn Bhd (193167-M)
 Matsushita Foundry Industries Sdn Bhd (164938-U)
 Matsushita Refrigeration Industries (M) Sdn Bhd (192040-T)
 Toyodempa (Malaysia) Sdn Bhd (205789-W)
 Matsushita Electronic Motor (M) Sdn Bhd (192877-T)

Syarikat Jualan & Kejuruteraan

Panasonic Malaysia Sdn Bhd (26975-W)
 Panasonic Industrial Co (M) Sdn Bhd (372681-M)
 Panasonic System Engineering (M) Sdn Bhd (304521-U)
 Matsushita Environmental Engineering (M) Sdn Bhd (611237-D)

Syarikat Penyelidikan dan Pembangunan

Matsushita Air-Conditioning R & D Centre Sdn Bhd (219649-A)
 Matsushita Compressor And Motor R & D Centre Sdn Bhd (446029-D)
 Matsushita Home Appliance R & D Centre (M) Sdn Bhd (502883-X)
 Panasonic R & D Centre Malaysia Sdn Bhd (626407-H)

Syarikat Kewangan dan Insurans

Panasonic Financial Centre (M) Sdn Bhd (462436-K)
 Matsushita General Insurance Agency (M) Sdn Bhd (475937-P)

Syarikat Pendedaran dan Logistik

Panasonic Trading Malaysia Sdn Bhd (590931-H)